

## Tanggapan Terhadap Persuratan Baru: Ambiguiti dalam *Pujangga Melayu* Karya Mohd Affandi Hassan

A Response on Persuratan Baru: Ambiguity in Mohd Affandi Hassan's *Pujangga Melayu*

MOHD FAIZAL MUSA

### ABSTRAK

*Persuratan Baru* sebuah pendekatan sastera telah diperkenalkan oleh Mohd Affandi Hassan dengan niat mencabar idea dan pendekatan Sastera Islam yang terdahulu. Makalah ini pertamanya membincangkan hal-hal berkaitan gagasan *Persuratan Baru* ini seperti faktor kelahiran *Persuratan Baru*; konsep taklif; hakikat insan, ilmu dan amal; konsep adab; hakikat sastera dan konsep kalam; estetika Islam dan siratan makna; konsep kiblat; espen; dan pemanfaatan ruang naratif. Pendukung Mohd Affandi Hassan sering menjadikan karyanya *Pujangga Melayu* sebagai rujukan untuk memahami gagasan ini. Namun demikian, seperti yang diperlihatkan dalam tulisan ini, gagasan dan karya Mohd Affandi Hassan juga tidak terlepas daripada ambiguiti dan 'idle talk' yang beliau cuba elakkan.

*Kata kunci:* *Persuratan Baru; Mohd Affandi Hassan; sastera Islam; satira; ambiguiti; estetika*

### ABSTRACT

*Persuratan Baru or The Genuine Literature* is a literary approach introduced by Mohd Affandi Hassan, with the intention to challenge previous ideas and approaches on Islamic Literature. This paper first discusses matters related to the idea of this approach, such as the birth factor of *Persuratan Baru*; concept of the legal prerequisites; human nature, knowledge and good deeds; the concept of adab; literary and concept of kalam; Islamic aesthetics and stylization of ideas; the qibla concept; essay-narrative or espen; and the use of narrative space. Supporters of Mohd Affandi Hassan often make references to his work *Pujangga Melayu* in order to clarify and understand this approach. As seen in this research, however, the concepts and works of Mohd Affandi Hassan are also inseparable from the uncertainty and 'idle talk' that he sought to escape.

*Keywords:* *Persuratan Baru; Mohd Affandi Hassan; Islamic literature; satire; ambiguity; aesthetics*

### PENDAHULUAN

Awal dekad 70-an menyaksikan kebangkitan gerakan Islam atau gerakan dakwah secara global. Sebagai contoh Angkatan Belia Islam Semalaysia dan Al-Arqam mula membina pengaruh dalam dekad 70-an. Kesedaran terhadap agama Islam mendorong penghayatan yang lebih meluas dan mendalam dalam kalangan masyarakat pada waktu itu. Di Malaysia persekitaran baru ini mencetuskan perbincangan mengenai apa yang dinamakan sebagai sastera Islam:

Fenomena baharu yang mencetuskan sastera Islam berlaku pada tahun 1970-an yang kebetulan pula umat Islam mulai melangkah ke awal abad 15 hijrah. Pada masa ini cetusan kesedaran keislaman menyentuh berbagai-bagai lapisan masyarakat di kalangan pelajar pusat pengajian tinggi, gerakan dakwah, tokoh ulamak dan para akademik, gerakan politik

hinggalah kepada media massa yang meresapkan kesedaran ini ke tengah masyarakat. Kesedaran ini tidak sahaja bersifat tempatan, tetapi juga pada masa yang sama kesedaran keislaman berlaku di negara-negara Islam khusus berlakunya revolusi di Iran, kesedaran tentang kekuatan ekonomi umat daripada hasil petroleum membawalah kepada kemerdekaan negara-negara Islam yang selama ini berada di bawah cengkaman Soviet Union. Konsep Islam sebagai ad-Deen dilihat sebagai satu syumul merangkumi berbagai-bagai aspek termasuklah dalam bidang penulisan dan sastera.

(Shafie Abu Bakar 2000: 432)

Fenomena kegiatan sastera Islam ini kemudiannya berlanjutan apabila diadakan Simposium Sastera dan Agama di Terengganu oleh badan bukan kerajaan iaitu PELITA dan GAPENA pada tahun 1973. Seterusnya, Shahnnon Ahmad mengemukakan pandangan beliau mengenai sastera Islam dalam majalah *Dewan Bahasa* Julai 1977:

Berbudaya, berseni atau bersastera bertunggakkan Islam, sama saja seperti beribadah atau berbakti kerana Allah. Di sini beribadah membawa pengertian yang luas mencakup sebarang perbuatan manusia demi kerana Allah semata-mata bukan sekadar bersembahyang, berpuasa, menunaikan fardu Haji atau berzakat. Dalam beribadah (seperti dalam proses penciptaan karya sastera) pokok pangkal wajib bertolak dari Tauhid – keyakinan seluruh jiwa raga tentang keesaan Allah dan tak ada yang lain melainkan Allah, tapi sama seperti beribadah yang berbagai corak, hikmahnya adalah untuk manusia. Sastera dicipta kerana Allah untuk manusia. Dua ungkapan ‘kerana Allah’ dan ‘untuk manusia’ cukup erat kerana bila bersastera kerana Allah dengan sendirinya kita yakin tanpa berbelah bagi bahawa setiap yang diperintah oleh Allah melalui al-Quran dan al-Sunnah adalah untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia. Kerana itu sastera Islam dapat kita simpulkan sebagai sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia sejagat.

(Shahnon Ahmad 1977: 426-427)

Pandangan Shahnon dalam perenggan di atas menolak konsep seni untuk seni dan seni untuk masyarakat yang diterokai oleh gerakan ASAS 50 sebelumnya. Sebaliknya beliau menyarankan seni untuk Allah. Pendapat Shahnon ini kemudian menjadi satu perbincangan yang berlanjutan serta mencetuskan polemik dengan Kassim Ahmad antara tahun 1982 hingga 1984 di majalah *Dewan Sastera*. Bagi memahami lebih lanjut mengenai fenomena sastera Islam dalam Malaysia, rujuk Mohd Faizal Musa (2012), berjudul *Wacana Sastera Islam di Malaysia dan Indonesia*. Dalam buku ini pengkaji menghuraikan secara terperinci faktor-faktor kemunculan sastera Islam di Malaysia dan Indonesia, dan mengetengahkan enam wacana sastera Islam yang dominan daripada kedua-dua buah negara. Oleh sebab ruang makalah ini terhad, pengkaji hanya akan membicarakan mengenai gagasan Persuratan Baru, iaitu salah satu wacana sastera Islam yang ada di Malaysia.

Kemunculan gagasan sastera Islam di Malaysia ini jelas merupakan satu hasrat untuk mengemukakan jalur sastera sendiri. Dalam erti kata lain, masyarakat sastera tempatan mengusulkan satu gaya, bentuk, cara, falsafah dan pengertian sastera sendiri, yang menolak paksi sastera Barat. Salah seorang yang masih aktif dalam usaha ini adalah Mohd Affandi Hassan.

#### MOHD AFFANDI HASSAN

Mohd Affandi Hassan (1997) dilahirkan di Selising, Pasir Mas, Kelantan pada 9 Mac 1943. Beliau merupakan bekas pegawai tadbir diplomat. Affandi merupakan orang yang bertanggungjawab menggagas idea Persuratan Baru. Sebahagian besar

gagasan Persuratan Baru ini dapat didalami menerusi novel beliau yang berjudul *Pujangga Melayu*, ia terbit pada tahun 1997. Novel ini merupakan himpunan empat buah novel Affandi yang terbit sebelumnya berjudul *Jejak Warisan*, *Citra Pujangga*, *Tampang Sasterawan* yang terbit pada tahun 1994 dan *Wajah Pendeta* yang diterbitkan pada tahun 1996. Semuanya diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bukti, Kuala Lumpur melainkan *Jejak Warisan* yang diterbitkan oleh Penerbit Tiga Puteri, Pasir Mas, Kelantan. Himpunan empat buah novel itu disatukan kemudian dengan judul *Pujangga Melayu* (1997). Karya setebal 714 halaman ini mengisahkan perjalanan hidup seorang ahli akademik bernama Awang bin Yusuf sejak zaman remaja sehinggalah kepada usahanya untuk menubuhkan Universiti Islam Darulnaim di Kelantan. Dalam tempoh perjalanan hidup yang panjang itu Awang telah mengalami percintaan tiga segi antara Tengku Aini Faridah, dan Azizah. Awang juga mengalami krisis rumah tangga yang hebat sehingga bercerai dengan Tengku Aini Faridah kerana campur tangan mertua. Awang kemudian telah menuntut di Universiti Harvard dan berkenalan dengan seorang wanita Palestina bernama Aisyah. Sekembalinya ke Malaysia, dengan restu Aisyah, Awang memperisteri semula Tengku Aini Faridah yang telah gagal dalam perkahwinan keduanya. Awang juga mengahwini pelajar yang mengkaji pemikirannya iaitu Sarasvati atau Salasiah dan pengasuh anak-anaknya iaitu Faridah. Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, sebahagian besar kandungan novel ini memperkatakan tentang gagasan Persuratan Baru (Mohamad Mokhtar Hassan 2002). Turut dimuatkan ialah kritikan terhadap pelbagai dasar kerajaan, masalah politik wang, pengaruh sistem feudal di Malaysia, dan ketepuan tradisi Hindu, di samping pelbagai idea dan pemikiran tokoh sastera Islam. Isu global umat Islam seperti Palestina dan kedudukan identiti Melayu-Islam di Malaysia juga diketengahkan dalam novel ini. Persoalan-persoalan yang disentuh ini menjadikan *Pujangga Melayu* dipenuhi wacana agama, politik dan sejarah.

Pada tahun 2014, Mohd Affandi Hassan menerbitkan sebuah lagi novel berjudul *Balai Maqamat* terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia. Novel ini meneruskan gaya dan bentuk yang dikemukakan dalam *Pujangga Melayu*. Demikian juga dengan karya lainnya termasuklah *Hikayat Buyung Lurus* (2016) terbitan Gerak Budaya, dan *Hikayat Salim Adil* (2017) terbitan Wadi al-Irfan.

## PERSURATAN BARU

Menurut Syed Muhammad Naguib al Attas (1990) kemunculan karya sufi klasik di dunia Melayu telah membawa satu revolusi intelektual yang mengagumkan. Pandangan ini turut menjadi salah satu perkara pokok yang ditekankan oleh Mohd Affandi Hassan (1994a: xiii) dalam wacana Persuratan Baru gagasannya. Menurut Affandi, istilah Persuratan Baru digunakan sebagai usaha membezakannya daripada istilah kesusasteraan yang amat berhubung dengan dunia khayal. Konsep dan istilah persuratan dengan itu lebih sesuai dengan sastra Islam yang mengutamakan konsep tauhid. Affandi berpendapat ‘konsep ‘sastra’ dan ‘sasterawan’ tidak relevan lagi jika dilihat daripada perspektif pendekatan tauhid’. Affandi juga berpendapat dengan persuratan “hasil-hasil kreatif tidak lagi hanyut dalam bahasa sastra yang khayal dan penuh pura-pura”, tetapi akan digantikan dengan “bahasa persuratan yang lebih bertenaga daripada segi intelektualnya dan juga analisis.” Affandi turut ‘mengiklankan’ karya-karya beliau sebagai contoh kepada konsep persuratan. Gagasan ini telah pun ditelaah di peringkat sarjana dan doktorat di universiti tempatan.

Gagasan Persuratan Baru ini akan dibincangkan dalam beberapa sub-topik seperti berikut: 1) faktor kelahiran Persuratan Baru; 2) konsep taklif; 3) hakikat insan, ilmu dan amal; 4) konsep adab; 5) hakikat sastra dan konsep kalam; 6) estetika Islam dan siratan makna; 7) konsep kiblat; 8) espen; 9) pemanfaatan ruang naratif; 10) kritikan terhadap Persuratan Baru.

### FAKTOR KELAHIRAN PERSURATAN BARU

Terdapat tiga faktor membabitkan gagasan Persuratan Baru. Pertama, kesedaran tentang peranan Islam dalam tradisi sastra Melayu. Kesedaran ini telah diterjemahkan secara praktik dengan “mengalihkan orientasi sastra daripada bukan ilmu kepada ilmu.” Ini bermakna gagasan Persuratan Baru muncul dengan hasrat untuk mengembalikan fungsi Islam dalam karya sastra dengan menerapkan ilmu. Keduanya, Persuratan Baru digagaskan sebagai alternatif kepada pelbagai wacana, konsep dan idea mengenai sastra Islam khususnya yang dikemukakan oleh Shahnun Ahmad dan lain-lain. Ketiganya, Persuratan Baru lahir untuk merungkai pengaruh kolonialisme yang masih mewujudkan “kebergantungan kepada Barat” (Ungku Maimunah Mohd Tahir 1999b: 5). Pengaruh kolonialisme itu

kelihatan dalam karya sastra melalui penggunaan pelbagai teori dan gagasan sastra termasuk sastra Islam, yang kesemuanya dilihat dan dikemukakan berdasar perspektif Barat. Menurut Affandi, ketiga-tiga faktor yang disebutkan di atas, antara lain telah menyebabkan pembicaraan dan wacana sastra di Malaysia “terbatas sekadar idle talk, atau omongan, ocehan dan borak-borak kosong” (Mohd Affandi Hassan 1999: 11-19). Menurut beliau lagi, keadaan ini menyebabkan wacana sastra dan penciptaan karya juga “terjatuh dalam hal remeh yang sama.”

Sebahagian besar pandangan awal Mohd Affandi telah dikemukakan menerusi ‘*Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*’ (1992) dan ‘*Medan-medan Dalam Sistem Persuratan Melayu*’ (1994a) yang merupakan sanggahan terhadap syarahan perdana Muhammad Haji Salleh. Wajar disebutkan di sini ‘*Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*’ telah diterima oleh Aga Khan University Institute for the Study of Muslim Civilizations untuk sebuah projek menghimpunkan karya-karya ilmiah Islam yang dinamakan ‘The Annotated Bibliography Project.’<sup>1</sup> Mohd Affandi malah amat membanggakan pencapaian beliau ini:

Dalam menentukan kebaikan ini, jika anda seorang yang benar-benar ikhlas dan jujur dalam pertimbangan anda, dan anda seorang yang tahu menghargai ilmu, anda tidak akan ragu-ragu menerima apa juga kebaikan orang lain. Maka itulah sebabnya buku *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid* ditolak oleh para penilai yang mendakwa diri mereka kumpulan yang condong kepada Islam dengan memberi alasan buku itu tidak diplomatik. Buku ini diterima oleh Aga Khan University Institute for The Study of Muslim Civilizations sebagai salah sebuah buku terpenting dalam Abad 20.

(Mohd Affandi Hassan 2010)

Apa yang mungkin kurang disedari oleh Mohd Affandi Hassan adalah Aga Khan University Institute for the Study of Muslim Civilizations merupakan sebuah pusat pengajian yang didirikan oleh komuniti Syiah Ismailiyyah (Nizari). Aga Khan pengasas dan Imam Ismaili Nizari diketahui mempunyai hubungan yang mesra dengan Barat. Dalam novel beliau yang terbaru berjudul *Balai Maqamat*, Mohd Affandi Hassan menyatakan dalam sebuah puisi berjudul *Aib Abu Gharib*, ‘Syiah muncul sebagai duri dalam daging Sunni’ (Mohd Affandi Hassan 2014: 315). Puisi panjang *Aib Abu Gharib* menganjur empat halaman (315-318) dan menjadi sebuah bab, *Balai Keempat*. Selain secara simplistik dan tergesa-gesa melabel Syiah sebagai duri dalam daging Sunni, Affandi turut menuduh ‘sahabat kaum Yahudi pengkhianat Islam sejati, meneruskan

pembohongan dan penipuan sejarah, memberi perlindungan kepada penjajah.’ Ketergesaan dalam bait puisi ini menunjukkan Affandi tidak bersungguh-sungguh mengkaji dan mendalami persoalan sektarian dengan latar belakang sejarah yang jelas, bahkan persoalan politik antarabangsa yang dikemukakan tidak cukup utuh dan mendalam. Hal ini malangnya, boleh menjadi perangkap buat beliau sehingga terdedah menjadi ‘sarjanaciritan’, ‘munafik sastera’ atau ‘pengarang idle talk’, yang beliau kritik dalam *Pujangga Melayu* dan *Balai Maqamat*. Jika Affandi benar-benar memahami persoalan mazhab dan politik antarabangsa, dengan sikap yang ditonjolkan, beliau tidak seharusnya membanggakan buku beliau ‘*Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*’ diterima oleh Aga Khan University Institute for The Study of Muslim Civilizations sebagai salah sebuah buku terpenting dalam Abad 20’ secara terbuka.

Terlepas daripada kecuaiian, ketergesaan dan sikap pukul rata tersebut, dalam erti kata lain, penerimaan gagasan ini pada peringkat antarabangsa menunjukkan wacana ini diterima dengan baik dalam dunia akademik, dan dapat terus berkembang dalam disiplin estetika dan kritikan sastera (Mohd Affandi Hassan 2006b: 31). Sama ada apakah ia akan terus mendapat perhatian masyarakat sastera, itu akan ditentukan sendiri oleh fi’il Mohd Affandi Hassan dan pendukung Persuratan Baru kelak. Mohd Affandi meneruskan wacana beliau menerusi blog peribadinya ‘Gagasan Persuratan Baru’.

### KONSEP TAKLIF

Meskipun Mohd Affandi Hassan tidak meletakkan Persuratan Baru dengan label ‘sastera Islam’, gagasan Persuratan Baru menyetengahkan tauhid melalui konsep taklif sebagai pertimbangan paling utama dalam gagasan tersebut. Dalam hal ini, pengertian taklif yang dimaksudkan oleh Affandi ialah keterikatan manusia kepada Penciptanya untuk menghambakan diri sebagai khalifah Allah. Perjanjian antara manusia dan Penciptanya sejak azali untuk menyembah diri dan beribadah kepada Allah ini menjadi asas penting supaya manusia berbuat makruf, meninggalkan kemungkaran dan menegakkan kebenaran serta keadilan. Oleh kerana itu, dalam konteks kegiatan sastera sebagai satu perjanjian dengan Allah, konsep taklif dapat menjadi landasan kebenaran serta mengingatkan pengarang untuk menjadikan karya sasteranya sebagai satu amal salih. Konsep taklif sebagai landasan kebenaran ini dapat dicapai apabila pengarang dan

karya sastera sebagai hasilnya memberi penekanan kepada ilmu yang benar. Ini kerana hanya dengan ilmu yang benar, yang dikembalikan kepada Allah sahaja, manusia dapat menyelamatkan diri daripada memungkiri janjinya dengan Pencipta. Sebagai membuktikan hujah di atas, Mohd Affandi (1997: 381-382) ada menghuraikan persoalan taklif ini dalam novel beliau, *Pujangga Melayu*:

Menurut ajaran wahyu, nilai itu ditentukan oleh Allah Taala, dan manusia hanya melaksanakannya saja mengikut penentuan yang ditetapkan oleh Allah Taala. Persoalan ini lebih mudah dimengerti jika kita kembali kepada epistemologi. Dengan memakai epistemologi ajaran wahyu, kita mempunyai tiga sumber ilmu yang boleh kita pakai. Pertama sumber wahyu, kedua akal, dan ketiga pengalaman. Di sini saya sebut secara ringkas dan kasar saja. Untuk “kembali menjadi manusia”, kita harus menggunakan ketiga-tiga sumber ilmu ini. Jika sumber pertama itu ditinggalkan, maka kita tidak dapat menjawab soalan: Siapakah manusia, apakah tugasnya, dan ke manakah yang ditujunya? Dengan menggunakan epistemologi berasaskan wahyu, kita dengan mudah dapat mentafsirkan ungkapan “kembali menjadi manusia” tadi sebagai kembali kepada taklif. Ertinya, kembali kepada asal-usul kejadian manusia, kepada dua tugas utamanya – sebagai hamba Allah Taala, dan sebagai khalifah di bumi. Jadi, asas falsafah persuratan, dalam model yang saya huraikan ini, ialah taklif tadi.

Menurut Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Mohd Zariat Abdul Rani (2008: 204) konsep taklif ini dengan sendirinya meletakkan Persuratan Baru sejajar dan akur dengan kehendak Islam. Tegas mereka ‘Mohd Affandi Hassan telah menjejapkan Persuratan Baru dan semua penghujahannya kepada keyakinan tauhid dengan menyetengahkan konsep taklif. Ini menjadikan Persuratan Baru jelas akur terhadap lunas-lunas Islam.’ Sehubungan dengan itu, konsep taklif menjadi asas utama dalam gagasan Persuratan Baru dan menjadi enjin penggerak kepada proses penciptaan karya sastera. Ini bererti ia juga meletakkan Persuratan Baru dalam keadaan menolak semua konsep, gagasan dan falsafah sastera yang anti taklif dan tauhid khususnya konsep, gagasan dan falsafah sastera dari Barat.

### HAKIKAT INSAN, ILMU DAN AMAL

Dalam menjelaskan konsep taklif, Affandi seterusnya menghuraikan lebih lanjut tentang hakikat insan, ilmu dan amal yang saling berkait. Dengan hakikat insan beliau maksudkan merujuk semula kepada hakikat kejadian manusia. Dalam doktrin tauhid, manusia telah pun berjanji dengan Penciptanya untuk sentiasa menyembah dan beribadat kepada Allah, dan mengawal tindak-tanduk supaya tidak tergelincir ke jalan kesesatan



yang ditunjukkan syaitan atau terjerumus ke dalam lembah nafsu.

Hakikat ilmu dan amal dalam konteks Persuratan Baru pula ialah 'ilmu yang benar' berteraskan keyakinan tauhid. Ini bermaksud ia bukanlah suatu ilmu yang mengelirukan dan menimbulkan pula keraguan. Ilmu ini kelak akan menjadi asas kepada amal manusia. Ilmu yang salah akan menjadikan amal dan usaha sesuatu yang sia-sia. Ilmu yang benar sebaliknya akan mendatangkan keyakinan dan seterusnya kejayaan.

Tiga sumber ilmu pada manusia datangnya daripada wahyu, akal, dan pengalaman. Ketigatiganya memiliki perbezaan besar. Hujah Affandi (1992: 20) di atas didukung oleh perenggan di bawah:

Pengetahuan diperolehi melalui akal dan pengalaman, manakala ilmu hanya dapat dicapai melalui iman, tetapi pengetahuan yang mendalam boleh menguatkan iman, mengukuh keyakinan dan membuat orang insaf kepada keterbatasan akal serta pengalamannya.

Ilmu dengan itu dapat menjadikan manusia 'berhikmah dan bijaksana', sementara pengetahuan hanya sekadar menjadikan manusia pandai dan mahir melakukan sesuatu. Ilmu dapat mendorong manusia ke arah amal salih sedangkan pengetahuan lebih membawa manusia kepada fasad (1992: 20-21). Sekadar pengulangan, ilmu yang benar dapat membawa kepada penghayatan agama dengan penggunaan akal yang bermakna. Ini bermakna karya berilmu harus mendorong pemikiran yakni penggunaan akal. Keadaan ini juga harus diimbangi dengan kedudukan karyawan tersebut sebagai cendekiawan dan ilmuwan.

### KONSEP ADAB

Seperti yang dinyatakan lebih awal, konsep taklif mendasari gagasan Persuratan Baru. Mohd Affandi juga berpandangan aspek kehidupan manusia amat berhubung rapat dengan rohani, jasmani dan akal. Justeru, dalam Islam daripada segi rohaninya 'konsep adab' mencabang kepada dua tugas manusia iaitu pertamanya sebagai hamba Allah dan kedua, sebagai khalifah Allah. Pengabdian dan ketaatan manusia terhadap Tuhan ini terpancar pada jasmaninya dengan mengamalkan cara hidup yang tertib, harmoni, dan salih. Hal ini menurut beliau dapat dicapai dengan penggunaan akal (Mohd Affandi Hassan 1992: 9). Ini bererti konsep taklif dan konsep adab saling melengkapi.

Untuk itu Affandi menganjurkan apa yang beliau namakan sebagai 'pendidikan estetika' untuk memahami karya sastera iaitu dengan melihat 'maknanya kepada kehidupan manusia yang beradab.' 'Makna' yang dimaksudkan oleh beliau di sini terbahagi kepada dua iaitu 'makna pada struktur yang memperindahkan karya.' Keduanya, 'makna daripada segi perutusan' yakni isi, falsafah, mesej, dan moral yang menampilkan kebenaran daripada pandangan dunia tauhid.

Mohd Affandi merujuk kepada idea tokoh intelektual Islam, Ismail Faruqi dalam memutuskan "kesepaduan fungsi estetik dan fungsi intelek" bagi melahirkan sebuah karya yang sepatutnya untuk jiwa dan akal manusia (1992: 9-11). Idea besar paduan fungsi estetik dan intelek ini diulang-ulang dalam banyak diskusi dan tulisan Affandi khusus di blog peribadi beliau. Padanan estetik dan intelek bermakna sesebuah karya sastera tidak boleh lari daripada tanggungjawab untuk membangunkan intelektual manusia. Affandi dengan ini menyarankan 'kesusasteraan didaktik'. 'Didaktik' menurut beliau tidaklah bermaksud propaganda sempit seperti yang disarankan dalam sastera komunis. 'Pendidikan estetika', kata beliau lagi, membolehkan pembaca cekap membezakan kebenaran dengan kepalsuan, atau perbezaan antara style dengan retorik. Kebolehan untuk melakukan ini hanya dapat dicapai menerusi pendekatan tauhid. Kesusasteraan akan dilihat silang kaitnya dengan hakikat insan, hakikat ilmu serta amal dan hakikat fungsi sastera.

### HAKIKAT SASTERA DAN KONSEP KALAM

Hakikat insan, hakikat ilmu dan amal, menurut Affandi, berhubung dengan fungsi sastera. Kesilapan dalam memahami konsep ilmu akan mendorong kemunculan gagasan ilmu yang palsu. Menurut Affandi (2005a: 31), beliau menganjurkan Persuratan Baru sebagai satu alternatif kepada pelbagai gagasan sastera yang ada. Beliau menyifatkan gagasan sastera sedia ada, khususnya gagal membezakan ilmu yang benar dengan yang tidak benar.'

Pemahaman terhadap hakikat insan dan ilmu ini membawa pula kepada pemahaman penggunaan 'kalam'. 'Konsep kalam' yang disarankan oleh Affandi ini amat rapat dengan penyampaian ilmu. Dalam hal ini karya sastera ditekankan harus membawa ilmu tersebut. Pandangan Affandi tersebut relevan untuk diturunkan di bawah ini:

Penggunaan kalam dalam Islam dihubungkan dengan ilmu, dan ini dalam operasinya selalu ditunjukkan dalam tujuan ilmu itu, iaitu untuk membawa manusia pandai membaca ayat-ayat Allah dan dengan itu dapat meletakkan dirinya dalam perspektif yang betul. Inilah maksud keadilan di dalam Islam.

Kesusasteraan sebagai salah satu daripada hasil yang terbit daripada penggunaan kalam itu (kalam di sini termasuk alat untuk menulis dan kata-kata atau bahasa) dengan sendirinya, dalam konteks ini, mencerminkan kebenaran, yakni hakikat ilmu (Mohd Affandi Hassan 1992: 23).

Affandi seterusnya berhujah 'konsep kalam' ini bertentangan dengan tradisi sastera Barat yang menerima konsep kreativiti dalam pengkaryaan. Menurut Affandi, konsep kreativiti ini sangat longgar. 'Konsep kreativiti' tanpa batas boleh mendorong gubahan hasil sastera yang akan membawa pembacanya ke arah fasad atau keburukan. Selain itu konsep kreativiti ini terdedah kepada nafsu pengarang sehingga dapat menyesatkan atau mengelirukan pembaca (Mohd Affandi Hassan 1992: 23-24).

Dalam sastera Barat konsep kreativiti ini terbuka kepada penilaian yang bersifat subjektif dan peribadi. Dengan itu, hakikat sastera Barat dilihat daripada aspek fiksyennya semata. Aspek fiksyen ini pula terbatas kepada "sifat khayal, imaginatif, daya reka dan cipta" pada seniman. Ini bermakna mutu karya dinilai berdasarkan skala yang subjektif dan tidak ada dasar. Konsep ini dikenali pula sebagai konsep *fictionality* di Barat.

#### ESTETIKA ISLAM DAN SIRATAN MAKNA

Oleh kerana konsep *fictionality* bertentangan dengan konsep kalam dalam Gagasan Persuratan Baru, estetika Islam juga menempuh jalan yang berbeza. Konsep keindahan pada kesusasteraan Islam ialah gabungan 'fungsi estetik dan intelek'. Oleh kerana itu keindahan dalam gagasan ini tidak sahaja diukur pada aspek bahasa dan teknik karya tetapi juga dilihat menerusi kandungan ilmu yang dapat menjana intelektualisme pengarang serta pembaca. Bagi Affandi, karya yang indah "bermaksud ia dicipta berasaskan cara dan teknik yang khusus, menggunakan segala aspek bahasa dan teknik tertentu sesuai dengan genre yang dibentuk atau dipilih." Sementara bermakna pula "ertinya memberikan pengertian yang benar dan mendalam tentang manusia, tentang hakikat keinsanannya dan sesuai dengan pandangan hidup tauhid". Indah pada beliau adalah fungsi estetik sementara bermakna

adalah fungsi intelek dalam karya sastera (Mohd Affandi Hassan 1992: 25).

Seperti yang telah dinyatakan dalam sub topik konsep adab sebelum ini, konsep keindahan Persuratan Baru dinilai menerusi kesepaduan 'fungsi estetik dan intelek'. Oleh itu Mohd Affandi merumuskan tiga asas estetika Islam yang dirumus daripada pandangan sarjana Ismail al-Faruqi. Pertama, memahami bahawa 'realiti mempunyai dua dimensi' iaitu yang pertama, bersifat transenden atau ketuhanan. Kewujudannya diketahui tetapi tidak dapat dicapai menerusi akal hakikat. Dimensi kedua pula bersifat natural atau zahir dan ia dapat diketahui melalui pancaindera dan pengalaman. Kedua-dua realiti ini terpisah dan hanya dapat dihubungkan secara akliah semata-mata (*a process of intellection*). Ini bermaksud, manusia tidak mungkin bersoal-jawab tentang dimensi yang transcendent dalam bentuk apa pun. Kedua, merupakan implikasi kepada prinsip pertama. Oleh kerana itu alam ketuhanan tidak dapat dipaparkan dalam bentuk apa pun sama ada dengan menggunakan pengalaman dan alam tabii. Ketiga, adalah implikasi daripada dua asas di atas. Oleh kerana seni ketuhanan itu tidak dapat digambarkan dengan jelas, seni yang lahir daripada dua asas tersebut adalah 'seni yang abstrak, yang *stylized, expressing infinity and inexpressibility*' (Mohd Affandi Hassan 1992: 39). Ini juga bermakna seni Islam harus menempuh proses akliah atau *process of intellection*. Seni Islam dengan itu berbeza dengan seni Barat.

Seterusnya, 'seni abstrak' ini harus dikemukakan dengan satu teknik yang tertentu yang dinamai *stylization*. Affandi meminjam teknik *stylization* yang dikemukakan oleh Ismail al-Faruqi dengan tujuan memantapkan gagasan Persuratan Baru yang dilontarkannya. Dalam teknik ini proses akliah, pemikiran dan penyampaian makna menjadi sesuatu yang unik dan indah. Affandi dengan tegas berpendapat 'seni Islam memberi keutamaan kepada pemikiran dan makna, tetapi pemikiran dan makna itu diberi bentuk sehabis indah dan unik melalui *stylization* tadi'. Affandi dalam usaha mengemukakan *stylization* menyarankan kejadian alam untuk dibaca dan ditafsirkan dalam menyatakan kebenaran hakiki. Mohd Affandi menterjemahkan *stylization of ideas* ke bahasa Melayu sebagai 'siratan makna.' Menurut beliau lagi siratan makna adalah 'gabungan taklif, ilmu dan kawalan' dan menjadi benteng untuk konsep persuratan yang beliau kemukakan (Ungku Maimunah Mohd Tahir 2002: 10).

## KONSEP KIBLAT

Estetika sastera Islam yang disarankan oleh Affandi dengan itu memerlukan satu pendekatan khusus untuk diuji pada karya. Affandi menyarankan ‘lima tahap’ untuk mendekati estetika karya sastera yang beliau namakan KIBLAT. Ini adalah kaedah bersepadu ‘lima tangga’ iaitu kemahiran dan kebolehan membaca, memahami, mentafsir, menikmati dan mengarang. Takah ketiga iaitu kemahiran mentafsir merupakan bahagian yang penting untuk tiba ke tahap lain. Menurut Affandi, mentafsir harus membaca dengan akal sambil memerhatikan makna asas. Makna asas tersebut akan membawa pula kepada makna kias sesuatu karya. Proses mentakwil akan dibantu oleh pemahaman terhadap persekitaran karya, yang seterusnya membantu pembaca memahami makna karya (1992: 54).

Tahap mentafsir diikuti pula dengan tahap menikmati karya. Tahap menikmati ini dilakukan dengan penilaian kritis dan ‘tidak hanya berupa *appreciation* dan khayal dalam kekaguman (atau sebaliknya)’. Dalam hal ini, menikmati karya dengan penilaian kritis yang dimaksudkan ialah dengan “mengambil iktibar dan pelajaran” daripada karya sastera. Tahap terakhir ialah mengarang karya-karya berilmu yang berteraskan keyakinan tauhid.

## ESPEN

Konsep KIBLAT disarankan sebagai satu kaedah untuk membaca, menilai dan memahami karya sastera Islam. Daripada segi praktik untuk gagasan Persuratan Baru, Affandi menyarankan genre espen. Dalam hal ini espen bermaksud gabungan cerpen dan esei. Bagi memastikan espen tidak menjadi esei atau cerpen semata, beliau meletakkan tiga ciri yang membina espen. Pertama, idea dan pemikiran diutamakan dalam karya sastera. Ini bererti idea atau pemikiran dikemukakan “melalui perbincangan atau dialog”. Affandi juga menolak gaya monolog dalam espen. Menurutnya lagi espen menampilkan “gaya pengolahan yang bersifat penghujahan” seperti konvensi genre esei (Mohd Affandi Hassan 1992: 82).

Kedua, pengolahan yang objektif terhadap persoalan dan isu. Ini bererti sesuatu persoalan akan didebatkan dengan mendalam daripada pelbagai sudut. Menurut Affandi inilah “aspek pemikiran yang kreatif dalam espen.” Bagi mengolah secara objektif pelbagai persoalan dalam karya, pengarang dengan itu perlu “membuat penyelidikan secara

objektif dan kreatif.” Fungsi khayalan dalam espen hanyalah fungsi kreatif semata-mata. Fungsi ilmiah dalam gubahan isi atau persoalan adalah lebih dominan. Ini bermakna Affandi mementingkan aspek pemikiran yang logikal berbanding unsur khayalan dalam karya. Kreativiti dalam espen dengan itu dinilai daripada ‘pemikiran yang kreatif’ dan bukannya berdasarkan binaan khayalan yang kreatif.

Ketiga, espen mengetengahkan teknik khutbah. Ini bererti, khutbah yang beliau maksudkan di sini ialah “teknik komunikasi dalam menyampaikan perutusan.” Khutbah bagaimanapun tidak perlu “didaktik melulu”, atau “berdakwah dengan nasihat yang bombastik.” Khutbah menurutnya adalah cara untuk menyampaikan hujah secara rapi, teliti, kemas dan padat menerusi dialog panjang yang informatif. Menurut Affandi lagi khutbah merupakan salah satu genre sastera Islam yang telah pupus lantaran sekularisasi sastera.

Seterusnya beliau melanjutkan yang “penggunaan khutbah dalam espen dilakukan dan dikemukakan dengan *style* yang indah dan menarik. Tujuan khutbah ditampilkan adalah untuk berhujah. Justeru khutbah tersebut “coraknya ilmiah dan *persuasive*.” Khutbah tersebut boleh dicampurbaurkan dengan “campuran kesungguhan, *humor*, *wit*” dan sebagainya. Menurut Affandi penguasaan teknik khutbah menuntut “seorang pengarang yang berpengetahuan luas, berfikiran matang, dengan penguasaan bahasa yang tinggi dan telah menguasai seni mengarang dengan baik, yakni telah mahir dalam selok-belok mengarang.”

Berdasarkan perbincangan dalam topik di atas terdapat beberapa ciri khas Persuratan Baru yang dapat diperhatikan. Ciri-ciri Persuratan Baru tersebut telah pun digariskan oleh Affandi dalam sebuah artikel beliau yang bertajuk ‘Mengapa Saya Menulis *Aligupit* (1994b).’ Empat ciri dominan dalam Persuratan Baru ialah seperti berikut:

1. Persuratan Baru mengutamakan ilmu, pemikiran dan kebijaksanaan.
2. Persuratan Baru menggunakan gaya penulisan yang bercorak kesarjanaan. Gagasan ini menggabungkan gaya ilmiah yang indah. Gaya tersebut dikatakan ilmiah “kerana isinya bersifat ilmu”; tetapi juga indah “kerana disampaikan dalam bentuk seni.”
3. Persuratan Baru mengutamakan gagasan, yang dibincangkan dengan mendalam melalui penampilan watak-watak yang kuat. Watak-watak yang kuat ialah watak yang bermoral,

beragama, berilmu dan sebagainya. Persuratan Baru dengan itu menolak watak pelacur, atau “watak kecil yang dangkal.” Affandi menekankan watak-watak yang dibina dalam karya haruslah unggul dan boleh diteladani.

4. Persuratan Baru mengutamakan “daya kreatif yang tinggi, terkawal dan beradab.” Oleh kerana itu, tambah Affandi, segala yang khurafat dan khayal yang pernah dikemukakan oleh sasterawan di Malaysia dalam karya mereka tidak mendapat tempat dalam Persuratan Baru. Persuratan Baru hanya menerima *stylization of ideas*, dan beliau misalnya menolak ‘khayalan hanyut seperti yang dipaparkan dalam realisme magis.’

Sekali lagi Affandi menekankan di bawah gagasan Persuratan Baru “cerita menjadi perkara kedua.” Aspek yang paling utama ialah “gagasan dan pemikiran.” Affandi (1994b: 13) berhujah al-Quran tidak sahaja bercerita tetapi menyampaikan mesej menerusi cerita seperti yang dihujahkan oleh beliau:

Novel tidak lagi bercerita, tetapi untuk menyatakan gagasan dan pemikiran...saya tidak berminat untuk hanya bercerita, kerana dalam kajian saya, al-Quran tidak pernah bercerita sekadar bercerita. Cerita digunakan untuk menyatakan sesuatu gagasan atau pemikiran, untuk memberi peringatan atau amaran.

#### PEMANFAATAN RUANG NARATIF

Gagasan Persuratan Baru mendapat reaksi yang bercampur baur daripada masyarakat sastera Malaysia. Ini termasuklah kritikan terhadap gagasan tersebut seperti yang akan dilihat kemudian. Walau bagaimanapun, salah seorang sarjana yang menyambut dengan baik gagasan ini ialah Ungku Maimunah Mohd Tahir, seorang profesor sastera di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam rangka memantapkan Persuratan Baru sebagai sebuah wacana, beliau telah menguji pelbagai karya dengan gagasan ini termasuklah novel *Salam Maria* karya Fatimah Busu, dan novel *Lorong Midaq* karya Naguib Mahfodz. Ini menunjukkan Persuratan Baru boleh diaplikasikan untuk merungkai teks daripada pelbagai latar budaya dan bahasa. Hal ini hanya boleh berlaku sekiranya gagasan tersebut telah memiliki satu metodologi tertentu untuk membaca dan menginterpretasikan teks. Persuratan Baru sebagai sebuah gagasan telah melengkapi aspek ini. Dalam erti kata lain gagasan dengan satu metodologi tersusun yang sedia untuk digunakan bagi menguji

karya sastera sudah dapat dianggap sebagai sebuah teori sastera.

‘Teori’ sastera juga, berfungsi untuk menunjuk dan membina satu rangka dan cara untuk pengkritik sastera menilai dan menulis sesuatu mengenai teks sastera. Malah teori dan kritikan juga menjelaskan secara langsung (*straightforward*) bagaimana teks yang telah dirungkai itu dapat memberi manfaat kepada masyarakat daripada segi falsafah dan ideologinya. Pendek kata teori harus ada ‘cara tertentu’ untuk membolehkan ia diuji ke atas teks, justeru teori bukan sekadar satu idea-idea umum yang tidak boleh diaplikasikan. ‘Campur tangan’ Ungku Maimunah telah membolehkan wacana Persuratan Baru diaplikasikan ke atas teks.

Seperti yang telah dibahaskan sebelumnya, gagasan Persuratan Baru mengutamakan ilmu daripada cerita. Menurut Ungku Maimunah ilmu ialah “idea, pencernaan buah fikiran, hasil daripada fahaman yang jitu, bacaan yang luas, dan renungan yang dalam, yang dicanai oleh akal, yang kemudian diberi bentuk dan dihujahkan dengan yakinnya.” Ungku Maimunah (2006) dengan itu berpandangan sesebuah karya sastera dapat diuji apakah mengutamakan ilmu atau cerita dengan melihat pemanfaatan ruang naratifnya. Ruang naratif dapat diisi dengan paksi naratif atau alat penceritaan seperti karektor, aksi, latar, gaya bahasa, kausaliti, konflik dan lain-lain. Justeru untuk mengetahui apakah pengarang mengutamakan ilmu daripada cerita, seorang pengkaji atau pembaca perlu melihat bagaimana alat penceritaan dimanfaatkan, sama ada untuk tujuan “membangun, mengekal, memperpanjang dan menyelesaikan cerita”, atau alat penceritaan itu dimanfaatkan untuk “tujuan mengupas, menghurai, menghujah idea-idea bagi membina ilmu.” Gagasan Persuratan Baru dengan itu menyediakan pilihan bagi pengarang untuk membina ilmu atau membina cerita dalam karya. Bagi pembaca dan pengamat pula, Persuratan Baru menyediakan satu kaedah analisis iaitu untuk menentukan bagaimana komponen cerita dieksploitasi. Misalnya, apakah komponen cerita dimanipulasi untuk kemungkinan menyampai cerita atau menyampai ilmu.

Sebagai salah satu alat penceritaan dalam ruang naratif watak boleh ditentukan oleh pengarang sendiri. Sekiranya pengarang memilih watak hebat dan unggul seperti seorang sarjana misalnya, ruang naratif dapat diisi dengan bermacam-macam wacana dan perbincangan ilmu. Ini berbeza sekiranya watak yang ditampilkan ialah watak kecil atau



hina seperti watak pelacur, penjenayah dan lain-lain. Apabila pengarang pada satu kesempatan tertentu ketika berkarya memilih untuk tidak menghuraikan adegan seks dan erotisme, sebaliknya memilih untuk mengkehadapkan idea, ilmu dan wacana yang telah disusun atur, disaring lalu dianalisis secara mendalam, maka pengarang telah melakukan *epistemic choice*. Ungkapan tersebut telah dipinjam daripada usul yang dikemukakan oleh Richard Ohman (Mohd Zariat Abdul Rani & Ungku Maimunah Mohd Tahir 2005: 374-422). Ini bermakna proses kreatif sesebuah karya adalah penyaluran idea tentang satu-satu wacana yang telah diorganisasikan. Proses kreatif berdasarkan konsep *style* seperti ini dianggap sebagai *epistemic choice*.

Usaha yang dilakukan oleh Ungku Maimunah untuk mengukuhkan gagasan Persuratan Baru membolehkan idea dan wacana asal Mohd Affandi Hassan lebih tersusun dan jelas untuk diterapkan dalam analisis teks.

#### KRITIKAN TERHADAP PERSURATAN BARU

Seperti yang telah dijelaskan, gagasan Persuratan Baru atau 'teori Affandi' telah mendapat reaksi antara lain daripada sarjana Ungku Maimunah Mohd Tahir. Bagi tujuan pemantapan gagasan tersebut, pada awalnya Ungku Maimunah (1999a) juga telah melakukan beberapa kritikan. Antara lain ialah wujudnya beberapa pertentangan antara saranan dan praktik dalam gagasan yang Affandi kemukakan.

Ungku Maimunah berpandangan "sikap keras Affandi" terhadap teori-teori Barat "meninggalkan kesan barat bashing." Terdapat banyak falsafah Barat dikritik dan ditolak terutamanya dalam buku beliau '*Medan-medan Dalam Sistem Persuratan Melayu*', akan tetapi dalam masa yang sama Affandi masih menggunakan 'fikiran Barat' untuk tujuan rujukan. Menurut Ungku Maimunah lagi penggunaan tersebut tidak diwajibkan dengan baik. Pandangan beliau (1999b: 20-21) diutarakan di sini sebagai satu hujah:

Tidak dinafikan Muhammad Affandi Hassan ada membuat *qualification* - ada fikiran barat yang boleh digunakan - tetapi ini dilakukan secara sepintas lalu saja. Status *qualification* Muhammad Affandi Hassan itu tidak lebih daripada melepaskan batok di tangga (*perfunctory*) dan sukar untuk mewajarkan 'barat bashing' beliau di satu pihak dan pinjaman-pinjamannya dari barat di pihak lain, khususnya apabila pinjaman tersebut sesuai untuk tujuannya.

Selain itu, ada semacam kontradiksi yang dapat dikesan. Dalam asas estetik pertama yang Affandi

sarankan, dimensi transendental dan natural tidak boleh bertemu. Namun begitu dalam masa yang sama beliau turut menyarankan supaya karya Hamzah Fansuri menjadi bacaan wajib. Karya Hamzah Fansuri mengetengahkan *mysticism of infinity*, yang menerima Tuhan sebagai realiti tidak terhingga dan mutlak. Justeru manusia itu bersumber daripada Tuhan dan dapat menyatu dengan Tuhannya. Bahkan Tuhan bersemayam pada alam dan diri manusia. Ajaran ini juga disebut sebagai union mistik. Doktrin ini terdapat pada karya-karya sufi baik Hamzah Fansuri mahupun Junayd al Baghdadi (Abdul Hadi WM 2001: 15). Oleh kerana Affandi menyarankan karya Hamzah Fansuri sebagai salah satu contoh Persuratan Baru, hal ini boleh mengelirukan khalayak dan pengamat gagasan beliau memandangkan karya Hamzah Fansuri bercirikan kemabukan mistik, ungkapan paradoks, simbol-simbol atau tamsil khas, dan daripada segi estetika pula 'Hamzah melakukan *licentia poetica* secara utuh' (Abdul Hadi WM 2001: 205-206). Hamzah Fansuri juga dikaitkan dengan ajaran wahdah al wujud. Selain itu Jalaludin Rumi dalam karyanya turut menggunakan simbol erotik dengan alasan tertentu (Abdul Hadi WM 2001: 93-94).

Affandi juga tidak menunjukkan contoh lain daripada Hamzah Fansuri yang benar-benar boleh diterima dalam gagasan Persuratan Baru. Beliau misalnya "menyeru supaya sasterawan menjadikan antara lain Syed Sheikh al-Hadi dan Ahmad Rashid Talu sebagai contoh." Kedua-dua tokoh yang beliau sebutkan itu ditolak oleh segelintir pengkaji atas alasan kandungan karya mereka "mendukung nilai kebebasan dan liberalisme Barat." Nama mereka bagaimanapun dijejerkkan sebaris dengan nama Syed Muhammad Naguib al Attas, Hamzah Fansuri dan Sheikh Nuruddin ar Raniri (Mohd Affandi Hassan 1999: 56).

Dalam membincangkan gaya khutbah yang mendasari 'genre espen', Affandi menyatakan penekanan makna sangat penting. Oleh kerana itu penyampaian makna dapat dilakukan dengan bahasa yang padat, jimat, serta bersahaja. Hujah Affandi tersebut terlihat menerusi perenggan di bawah:

Penekanan kepada makna memberi implikasi bahawa penggunaan bahasa adalah padat, ringkas, tepat, bersahaja; sifat-sifat ini didapat melalui susunan (*construction, structure*) kata-kata yang luar biasa kedudukannya dalam ayat-ayat yang jelas maksud luarannya (lapis makna permukaannya), tetapi kaya dengan makna yang mendalam apabila dihuraikan daripada keseluruhan karya itu.

(Mohd Affandi Hassan 1994a: 28)

Gaya penulisan untuk menyampaikan makna dengan bahasa yang padat, jimat, serta bersahaja ini bagaimanapun berlawanan dengan gaya yang beliau kemukakan ketika mengkritik hasil karya seorang pengarang lain iaitu Shahnnon Ahmad. Affandi menyarankan pula gaya bahasa yang lebih tersusun (bukan bersahaja), dengan ayat yang panjang untuk membawa pemikiran dan renungan. Affandi turut menolak gaya bahasa yang padat sebagai 'gaya kontot' yang hanya sesuai untuk kanak-kanak. Pandangan Affandi tersebut diturunkan di sini:

Dalam seni Islam, terdapat kebijaksanaan (hikmah atau *wisdom*) dalam pengolahan dan ucapan, kerana itu dari segi gaya bahasa diperlukan ayat yang lebih rapi tersusun, mungkin agak panjang, bukan gaya kontot-kontot seperti yang menjadi kegemaran Sasterawan Negara ini. Ayat-ayat kontot dan mudah ini cukup sesuai untuk bercerita kepada anak-anak, tetapi tidak cukup kuat untuk mengandungi pemikiran serta renungan yang membawa kepada kebijaksanaan itu.

(Mohd Affandi Hassan 1999: 48-49)

Pengkaji berpendapat, ini menunjukkan terdapatnya percanggahan antara idea dan hujah yang disampaikan oleh Mohd Affandi.

Selain itu cara pengemukaan Persuratan Baru turut mengundang kritikan. Terdapat tanggapan kritikan Affandi pada ketika tertentu adalah tidak relevan, bercampur dengan emosi dan kelihatan berbentuk serangan peribadi terhadap pengarang dan karya yang ditulis. Hal ini misalnya disentuh oleh Ungku Maimunah (1999b:22) yang menegaskan pembicaraan karya penulis tempatan oleh Affandi "mungkin untuk menimbulkan kejengkelan tetapi mungkin juga menimbulkan reaksi yang merugikan. Ia mungkin menyisihkan khalayak sasaran, iaitu orang-orang yang ingin didekati dan dipengaruhi."

Affandi bagaimanapun ada menjawab dakwaan tentang kritikan keras beliau terhadap pengarang dan karya sastera di Malaysia. Affandi menyifatkan "rasa tidak senang" pengkritik Persuratan Baru itu adalah kerana ketiadaan "kejujuran intelektual" serta "tidak menerima konsep ilmu yang benar" dan "menentang sebarang usaha untuk mencerdikkan bangsa Melayu" (Mohd Affandi Hassan 2006a: 31). Affandi menegaskan Persuratan Baru digagaskan untuk pengarang yang mencintai ilmu. Sarjana atau sasterawan yang menolak Persuratan Baru dianggap oleh beliau sebagai 'jahil' dan 'memperagakan kejahilan mereka sebagai satu ilmu yang dibanggakan' (Mohd Affandi Hassan 2005b: 29). Tambah beliau lagi, Persuratan Baru 'tidak memaksa' masyarakat sastera menerima idea tersebut. Affandi menegaskan adalah "terpulang

kepada penulis sendiri untuk memilih mana satu jenis yang mereka mahu." Bagi beliau, "karya picians tidak boleh disetarafkan dengan karya persuratan atau karya sastera, demikian juga karya sastera tak setaraf dengan karya persuratan" (Mohd Affandi Hassan 2006b: 31).

Seperkara lain yang memerlukan penjelasan Mohd Affandi (1994a: 92) berkaitan soal rasionalisme kerana beliau mendakwa Persuratan Baru ditunjangi oleh pemikiran Ismail al-Faruqi, aspek rasionalisme sebagai prinsip perkaedahan tamadun Islam yang dikemukakan Ismail al-Faruqi ternyata berlawanan dengan gagasan Persuratan Baru. Seperti yang diketahui rasionalisme sebagai prinsip perkaedahan tamadun Islam yang disarankan oleh al-Faruqi adalah terbuka dan tidak tegar. Al-Faruqi juga menggalakkan penerimaan unsur-unsur luar Islam. Islam pada al-Faruqi membenarkan manusia menerima ilmu, pengalaman baru dalam menggerakkan budaya dan tamadun ke hadapan. Tolak ansur antara agama dan budaya secara positif dan akademik digalakkan di bawah perkaedahan ini (Ismail al-Faruqi & Lois Lamy' al-Faruqi 1992: 85-86). Dalam hal ini misalnya pendekatan Barat yang tidak bertentangan dengan Islam dan konsep tauhid sebagai parameter dapat diubahsuai atau digunakan penuh dalam berkarya. Pandangan al-Faruqi di atas membawa implikasi yang genre fantasi atau pendekatan realisme magis misalnya dapat digunakan untuk menyampaikan mesej Islam asalkan tunjangnya iaitu konsep tauhid tidak dikorbankan. Ironinya, Affandi yang lantang mengkritik pendekatan realisme dalam karya, dalam masa sama beliau sendiri menulis karya beliau seperti *Pujangga Melayu* dengan pendekatan tersebut (Ungku Maimunah Mohd Tahir 1999b: 24). Hal ini memerlukan huraian yang lebih lanjut iaitu apakah batas sebenar yang diletakkan oleh Persuratan Baru dalam menerima 'unsur luar' yang bukan Islam. Persoalan lain yang juga turut timbul ialah apakah gagasan Persuratan Baru hanya sesuai diterapkan dalam prosa sahaja dan bukan dalam genre puisi. Sebagai sebuah gagasan yang akan terus berkembang dan mengukuh, aspek percanggahan yang dibincangkan dalam bahagian ini harus terus dirapikan oleh Mohd Affandi dan pendukung gagasan ini. Harus dinyatakan di sini, sebahagian kritikan terhadap Persuratan Baru ini telah ditangani oleh Affandi sendiri, dan Ungku Maimunah Mohd Tahir selaku pengkaji utama wacana ini (Ungku Maimunah Mohd Tahir 2008). Ungku Maimunah Mohd Tahir (2007) iaitu menerusi *Kritikan Sastera*

*Melayu: Antara Cerita Dengan Ilmu* dan menerusi kajian yang terkemudian, *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu* (2009) meneruskan usaha beliau untuk menajam dan memantapkan Persuratan Baru.

#### AMBIGUITI DALAM PUJANGGA MELAYU

Aspek ambiguiti merupakan salah satu aspek yang menawarkan perbincangan menarik dalam menganalisis *Pujangga Melayu* nukilan Affandi. Menurut William Empson dalam ‘*Seven Type of Ambiguity*’ adalah “*things often not what they seem*” (Cuddon J.A. 1999: 30-31). Empson menyebut terdapat tujuh jenis ambiguiti tetapi terdapat tiga yang berhubungan dengan analisis ini, iaitu pertama, kekeliruan yang berlaku apabila pengarang menemukan sesuatu ‘idea’ ketika sedang menulis. Ini bermakna ‘idea’ tersebut tidak dirancang terlebih dahulu. Kedua, terdapatnya pertentangan yang memaksa pembaca melakukan pentafsiran. Ketiga, percanggahan antara gagasan pengarang (apa yang dikehendakinya) dengan apa yang dilakukannya secara praktik. Dalam konteks ini, ambiguiti merujuk kepada percanggahan yang berlaku ketika pengarang menyalurkan idea dan gagasannya dalam teks.

Seperti yang dijelaskan, aspek ambiguiti ini akan disorot dalam *Pujangga Melayu*, seperti yang akan diperlihatkan dalam perbincangan seterusnya. Secara khusus, dua perkara akan disentuh dalam konteks analisis ini iaitu pertama, soal adab dan kedua, soal satira serta konsep berkaitan dengannya iaitu *mira*’ dan *jidat*. Sebelum perbincangan dilaksanakan beberapa prinsip Persuratan Baru diturunkan semula di sini secara ringkas guna menyerlahkan soal ambiguiti yang bakal ditangani.

Antara perkara yang ditekankan oleh Affandi melalui gagasannya ialah soal adab. Soal ini berhubung rapat dengan pandangan Affandi tentang kehidupan manusia yang erat dengan rohani, jasmani dan akal. ‘Konsep adab’ seterusnya mencabang kepada dua tugas manusia iaitu pertamanya sebagai hamba Allah dan kedua, sebagai khalifah Allah. Pengabdian dan ketaatan manusia terhadap Tuhan ini terpancar pada jasmaninya dengan mengamalkan cara hidup yang tertib, harmoni dan salih.

Seterusnya dalam konteks hakikat insan Affandi menghuraikan konsep taklif itu memainkan peranan penting dalam Persuratan Baru di mana doktrin tauhid menegaskan manusia telah pun berjanji dengan Penciptanya untuk sentiasa menyembah dan beribadat kepada Allah. Manusia juga berjanji untuk

mengawal tindak-tanduk supaya tidak tergelincir ke jalan kesesatan yang ditunjukkan oleh syaitan atau terjerumus ke dalam lembah nafsu.

Affandi turut membawa ‘konsep kalam’ sebagai kebalikan kepada konsep kreativiti dalam pengkaryaan. ‘Konsep kalam’ tersebut berasaskan hakikat insan, hakikat amal dan hakikat ilmu. Konsep kreativiti bagaimanapun tidak berasaskan tiga hakikat di atas, dan oleh itu ia boleh mendorong penghasilan sastera yang bakal membawa pembacanya ke arah fasad atau keburukan, di samping kepada nafsu pengarang sehingga dapat menyesatkan atau mengelirukan pembaca. Konsep seni seperti ini, menurut beliau lagi, “mencerminkan kandungan hawa nafsu manusia yang paling rendah dan kasar, yang liar tabiatnya dan hanyut tujuannya – meskipun barangkali berhasil diberi bentuk yang menarik (yang tidak semestinya indah).” Demikianlah secara ringkas inti pati idea Mohd Affandi Hassan.

Berlatarbelakangkan inti pati prinsip Persuratan Baru tersebut sebagai titik tolak pengkaryaan, dan seperti yang dinyatakan sebelum ini, bahagian ini akan menangani aspek ambiguiti dalam *Pujangga Melayu*, pertama melalui soal adab dan kedua soal satira serta konsep berkaitan *mira*’ dan *jidat*. Merujuk kepada soal adab terlebih dahulu, di sini diketengahkan pandangan adab oleh Syed Qutb yang telah dirumuskan oleh Rahmah Ahmad. Menurut Rahmah, Syed Qutb menegaskan salah satu kriteria adab (persuratan) yang perlu ada ialah *tawazun* (keseimbangan) di mana unsur ini memberi “keseimbangan dalam personaliti dan perlakuan seorang adib (pengarang).” Rahmah juga menekankan “sikap gopoh dan melatah dalam mengungkap tentang realiti kehidupan – aspek dan fenomena keburukan dan kebaikan.” Ini bermakna seseorang pengarang yang mengamalkan *tawazun* haruslah mengimbangi nilai seni dan mesej tanpa menggadaikan nilai-nilai Islam. Rahmah berpendapat ‘nilai Islam’ tidak boleh diketepikan semata-mata untuk menghantar dakwah, dan ‘nilai seni’ juga tidak boleh dipinggirkan atas alasan menghantar mesej.<sup>2</sup>

Beralih kepada soal satira pula, Cuddon menerangkan bahawa seseorang satirist melantik diri sendiri sebagai penjaga kebenaran, moral dan juga nilai-nilai estetik. Seorang satirist juga mengambil peranan untuk membaiki, dengan mengkritik, mengejek, menyindir, dan mengherdik segala kebejatan dan kesalahan masyarakat demi untuk memprotes keadaan tersebut. Justeru satira



adalah satu bentuk protes atau luahan kemarahan<sup>3</sup> (Cuddon J.A. 1999: 780). Menurut Arthur Pollard (1992: 101-103) pula, satira memang digunakan untuk menghina orang lain dan tujuan akhir satira adalah “untuk menyakitkan hati dan mengaibkan.” Leonard Feinberg (1967: 101-112) berpandangan salah satu kaedah satira ialah “melebih-lebihkan atau *exaggeration* dengan matlamat untuk menimbulkan keseronokan di samping menonjolkan keburukan material yang disatirakan.”<sup>4</sup> Kedudukan *Pujangga Melayu* sebagai satira diperakukan pada rangsang sari novel ini. Firdaus Abdullah dalam rangsang sari novel ini menyatakan Affandi sebagai pengarang yang ‘berani untuk berbeza dengan aliran perdana yang pandangannya telah dirasuki oleh pelbagai kebatilan. Unsur-unsur kebatilan...itulah yang menjadi sasaran renungan, ejekan, sindiran dan kritiknya yang tajam.’

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Mohd Affandi bersetuju bahawa pengarang harus “meletakkan dirinya di tempat wataknya dan mula berfikir dan bertindak seperti wataknya sendiri.” Adalah tidak keterlaluan untuk mengandaikan Affandi adalah satiris yang menggunakan watak Awang untuk ‘mengkritik, mengejek, menyindir serta mengherdik segala kejahatan dan kesalahan masyarakat demi untuk memprotes keadaan tersebut.’ Berlatarkan pemahaman betapa tiga hakikat insan, ilmu dan amal itu terpancar pada cara hidup pengarang yang tertib, harmoni dan salih, yang dikaitkan pula dengan konsep kalam, maka apa yang terserlah pada novel *Pujangga Melayu* mengundang pertikaian. Sebagai gagasan yang sangat mementingkan konsep adab, adalah tidak keterlaluan jika diandaikan aspek *mira’* dan *jidal* (berbantah-bantah dan berbahas) akan dielakkan. Ini kerana *mira’* dan *jidal* menyebabkan berlakunya ambiguiti. Dalam erti kata lain dalam perhitungan konsep adab, ambiguiti tidak hanya berlaku apabila ada percanggahan moral berupa erotisme (sebagai sebahagian daripada syahwat manusia yang terpancar dalam bentuk kebatilan) tetapi juga boleh berlaku dalam bentuk syahwat yang lain. Perkara ini akan dibincangkan di bawah ini.

Oleh kerana Affandi kerap merujuk *Ihya Ulumid-Din* karya Imam Ghazali dalam teks *Pujangga Melayu*, khususnya untuk menjadi hujah kepentingan ilmu, maka adalah wajar untuk merujuk kitab yang sama dalam hal *mira’* dan *jidal* (Imam Ghazali 1992: 260). Sehubungan itu, Imam Khomeini (2004: 444-462) juga mengatakan kejahilan juga dapat dihubungkan dengan *mira’* dan *jidal* ini.

Mohd Affandi dalam episod penubuhan Universiti Darul Naim ada merujuk kepada pandangan Imam Khomeini dalam menghuraikan kebiadaban Barat yang mengutamakan kebendaan (Mohd Affandi Hassan 1997: 636). Imam Khomeini menyatakan, lawan kepada konsep ilmu ialah konsep jahil. Beliau seterusnya menekankan jahil juga dihubungkan dengan *mira’* dan *jidal* iaitu perselisihan dan kontroversi, selain itu jahil juga diertikan dengan *mumar* atau suka berselisih pandang. *Mira’* dan *jidal* juga menjadi punca kepada pengaruh buruk selain menimbulkan keresahan dalam masyarakat. Imam Khomeini turut memetik kata-kata Saidina Ali untuk mengukuhkan hujahnya, iaitu, ‘Amirul Mukminin berkata: Waspadalah terhadap perdebatan dan permusuhan kerana keduanya itu akan menimbulkan kebencian di dalam hati pada sesama saudara, dan menumbuhkan kemunafikan.’ Kesimpulannya lawan kepada ilmu ialah sikap jahil atau bodoh yang antara lain ditandai dengan sikap suka berselisih, membuka perdebatan dan suka menghukum (Imam Khomeini 2004). Pandangan Imam Khomeini ini diketengahkan di sini untuk meneguhkan lagi tanggapan bahawa *mira’* dan *jidal* adalah persoalan kecacatan akhlak yang tidak diterima oleh ulama daripada pelbagai aliran pemikiran. Apatah pula seperti yang saya sebutkan sebelum ini, Affandi mengutip nama beliau dalam *Pujangga Melayu*. Daripada aspek konsistensi, adalah menarik sekali untuk kita menekuni perubahan sikap Mohd Affandi Hassan dalam menganalisis persoalan mazhab, khusus melibatkan Syiah seperti yang disinggung lebih awal, dalam novel beliau berjudul *Balai Maqamat*, Mohd Affandi Hassan menyatakan dalam sebuah puisi berjudul Aib Abu Gharib, ‘Syiah muncul sebagai duri dalam daging Sunni’ (Mohd Affandi Hassan 2014: 315). Sekiranya kita mengambil pandangan Imam Ghazali dan Imam Khomeini mengenai *mira’* dan *jidal* ini, iaitu ia adalah ‘lawan kepada ilmu, sikap jahil atau bodoh, ditandai dengan sikap suka berselisih, membuka perdebatan dan suka menghukum’ maka dengan sendirinya Persuratan Baru menempuh satu kecacatan yang bersifat teras. Ini kerana Affandi dan kemnya sering memperagakan Persuratan Baru sebagai piawai persuratan yang berteraskan keilmuan.

Menurut Imam Ghazali, antara penyakit lidah yang merupakan satu petanda daripada syahwat dan kejahatan akhlak ialah *mira’* dan *jidal*. *Mira’* dapat dikenal pasti apabila seseorang berbantah-bantah sambil menolak hujah sesiapa sahaja dan dalam masa yang sama hanya membenarkan hujahnya



sahaja. Mereka yang mempertahankan kebenaran hujah itu akan mencari apa sahaja ruang untuk menjatuhkan lawan ketika berbantah. *Jidal* atau *mujadalah* (berdebat-debat) pula dapat dikenal pasti apabila ketika berdebat seseorang terlalu menjelaskan kelebihan dirinya dan mendedahkan kekurangan lawannya seperti kejahilan mereka. Alasan untuk menegakkan kebenaran mendapat tempat kedua, sebaliknya yang lebih diutamakan ialah untuk menampakkan kesalahan orang lain. Menurut Imam Ghazali, dalam perbincangan tidak ada keperluan untuk mengaibkan, mengherdik dan menyindir lawan, sebaliknya adalah memadai dengan hanya berhujah berasaskan kenyataan, fakta dan ilmu yang ingin diutarakan.

Imam Ghazali seterusnya mengatakan *mira'* dan *jidal* adalah *syahwatani batinatani ala nafs* atau secara umum bermaksud 'maksiat dan penyakit hati yang berasal daripada syahwat.' Ini bermakna, mengambil rangka yang ditetapkan oleh Imam Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumid-Din* yang turut dirujuk oleh watak Tok Ayah dan Awang dalam *Pujangga Melayu*, pendekatan satira tidak dapat diterima. Pendekatan tersebut adalah bertentangan dengan konsep adab kerana ia menunjukkan ada percanggahan antara gagasan pengarang (apa yang dikehendakinya) dengan apa yang dilakukannya secara praktik.

Seperti yang telah dimaklumi Affandi menolak konsep sastera, sebaliknya menerima konsep persuratan<sup>5</sup>. Untuk menegakkan hujah tersebut, Affandi mengaplikasikan satira dalam *Pujangga Melayu*. Namun, seperti yang telah diterangkan satira tidak dapat dipertanggungjawabkan sebagai alat persuratan. Sejajar dengan itu, dan menebalkan lagi percanggahan pengarang karya yang diperkatakan itu, ialah soal adab tadi. Seperti yang telah ditekankan oleh Rahmah, adab pengkaryaan menuntut sesuatu karya persuratan tidak berlebihan. Dalam *Pujangga Melayu*, pengarang yang memilih konsep sastera disifatkan sebagai haiwan, di mana sastera dirujuk sebagai 'kandang' sementara persuratan dirujuk pula sebagai 'taman.' Banyak contoh berlebihan dapat dikemukakan dalam karya-karya Affandi tetapi hanya tiga contoh daripada *Pujangga Melayu* yang akan dikemukakan untuk menunjukkan aspek *mira'* dan *jidal*.

Contoh pertama di bawah ini adalah penting untuk menunjukkan keangkuhan watak Awang yang meragui pendukung konsep sastera yang menyatakan 'keinsafan':

Saya tidak mahu lagi berada di dalam kandang sastera bergelumang dengan lumpur kepalsuan yang busuk, hanyir, meloyakan itu. Cukup. Sudah cukuplah saya tertipu sejauh itu. Saya sudah keluar dari kandang sastera yang penuh lumpur kotor, dunia yang pura-pura.

Dia merenungku lagi, kali ini aku kira untuk meyakinkan aku bahawa dia benar-benar insaf. Insaf? Mengapa dia mesti insaf? Seorang sasterawan sepatutnya tidak perlu insaf, apalagi sewaktu dia telah mendapat segala-gala yang diimpikannya selama ini. Apakah erti keinsafan? Jika benarlah ada keinsafan itu, bagi seorang yang begitu banyak menerima anugerah sepatutnya, yang begitu tinggi disanjung oleh kawan-kawan dan para pengikutnya? Aku kira keinsafan itu, jika benar ada, hanyalah keinsafan palsu.

(Mohd Affandi Hassan 1997: 462)

Sikap angkuh Awang, yang sangat ketara dalam kutipan di atas itu, jelas bertentangan dengan konsep adab tadi. Sebagai pencetus Persuratan Baru, adalah diandaikan Affandi tidak akan membekalkan sifat angkuh ini kepada protagonisnya.

Contoh kedua yang dapat dikutip daripada bab 'Tampang Sasterawan' ialah bagaimana watak Awang menggambarkan rasa tidak senangnya terhadap ahli panel forum yang terdiri daripada para editor atau penyunting. Awang merujuk penyunting tersebut sebagai 'penyunting badut' dan seterusnya menjelaskan:

Pembicara kedua lebih baik. Orangnyanya bergaya, dan kelihatan terlalu percaya diri, atau lebih tepat terlalu bangga diri. Dia bercakap dengan fasih, malah terlalu ghairah bercakap sehingga tidak ada noktah lagi, terus-menerus seperti air terjun musim hujan lebat. Bising dan laju, sehingga sukar hendak ditangkap buah butirmya. Dia adalah kebalikan daripada yang pertama tadi. Itulah barangkali ketokohan seorang penyair yang baik, seperti yang diperlihatkan oleh pembicara kedua itu. Pembicara kedua itu begitu yakin, atau bangga diri, sehingga yang keluar daripada mulutnya yang luas itu ialah segala kelemahan para penyumbang yang mengirinkan karangan mereka untuk diterbitkan di penerbitannya.

(Mohd Affandi Hassan 1997: 417)

Setelah memaparkan kelemahan lawannya sebagai haiwan dan badut, Awang ditonjolkan sebagai tokoh yang benar. Hal ini sesungguhnya menepati ciri *mira'* yang digariskan oleh Imam Ghazali, seperti yang jelas terlihat dalam contoh ketiga ini:

Tiba-tiba aku dikerumuni oleh para sasterawan yang bertalutalu mengucapkan tahniah.

Tahniah, profesor. Tahniah kerana telah memberikan kami arah yang jelas dalam dunia penulisan.

Terima kasih profesor. Saya akan jadikan pandangan profesor itu sebagai panduan dalam penulisan. Kami telah diberi arah yang betul akhirnya. Terima kasih.

Syabas profesor. Akhirnya kami telah mendapat teori penulisan yang kami cari-cari selama ini. Kami akan meninggalkan kandang sastera. Kami akan memasuki taman persuratan kembali.

(Mohd Affandi Hassan 1997: 383)

Dalam kutipan atau episod di atas, watak Awang digambarkan menyambut kumpulan pengarang yang berminat dengan gagasannya itu dengan rasa ‘terperanjat sekali’. Harus diingat bahawa dalam bahagian sebelumnya, kajian telah berhujah bagaimana wacana ilmu yang ditawarkan dalam *Pujangga Melayu* itu tidak seimbang di mana kebanyakan lawan Dr. Awang digambarkan sebagai rendah sifatnya, lemah, tidak bijak dan emosional berbanding dirinya yang matang, bijak, dan memahami agama serta persuratan dengan baik. Fakta tersebut menguatkan lagi ambiguiti yang terdapat dalam *Pujangga Melayu* di mana dengan menggunakan pendekatan satira, aspek *mira’* dan *jidal* yang disifatkan oleh Imam Ghazali sebagai maksiat itu, telah diberi tempat. Satira tersebut pula dilakukan untuk menerbitkan keseronokan di samping menghina lawan. Pada bahagian tertentu watak Awang misalnya berasa ‘seronok dengan bantahan’ lawannya kerana mereka berada dalam “kekeliruan dan kejahilan semata-mata” (Mohd Affandi Hassan 1997: 392). Hal ini menjadi lebih terang apabila penggunaan pendekatan satira itu memberi kebebasan kepada pengarang untuk menyindir tokoh-tokoh tertentu dalam dunia sastera di Malaysia. Watak sasterawan yang “sangat pandai menulis dunia gagap<sup>6</sup>” (Mohd Affandi Hassan 1997: 39), yang kemudian beralih daripada genre naturalisme kepada realisme magis adalah satu bentuk sindiran. Selain itu terdapat juga tokoh sarjana dan pengarang lain yang disindir secara bebas dengan menggunakan satira sebagai alat<sup>7</sup> (Mohd Affandi Hassan 1997: 363).

Adalah amat sukar untuk mewajar dan menjustifikasikan penggunaan satira dalam rangka konsep adab atau persuratan. Pendekatan ini juga tidak meraikan strategi berdakwah iaitu ‘bersikap keras terhadap orang-orang kafir’ dan berkasih sayang sesama orang Islam.<sup>8</sup> Hadis berikut dapat dijadikan hujah untuk menolak pendekatan satira yang Affandi gunakan. Daripada Abu Hurairah katanya Rasulullah SAW bersabda: ‘Tahukah kamu apa yang dikatakan *ghibah* (gunjingan)?’ Jawab para sahabat, ‘Allah dan Rasul-Nya yang lebih tahu.’ Sabda Rasulullah SAW, ‘Ghibah, iaitu memperkatakan saudaramu tentang hal yang tidak disukainya.’ Ditanya orang beliau, ‘Bagaimana

kalau yang kami percakapkan itu ternyata memang benar?’ Jawab beliau, ‘Jika yang kamu ucapkan ternyata benar, bererti engkau menggunjing. Dan jika tidak benar, bererti engkau melakukan sesuatu kebohongan tentang dirinya.’<sup>9</sup> Bersandarkan Hadis mengenai *ghibah* di atas, jelaslah pendekatan satira tidak mendapat tempat dalam kerangka akhlak Islam. Tidak dinafikan menurut al-Quran dan Sunnah terdapat keizinan dan perintah Allah dan Rasul-Nya untuk mencela, mengata-ngatai malah melaknat perlakuan kebatilan. Namun, perlu ditekankan di sini keizinan tersebut adalah dalam konteks apabila Allah dan Rasul ditentang dan dimusuhi. Konteks seperti ini jelas tidak hadir dalam *Pujangga Melayu*. Justeru, penggunaannya dalam *Pujangga Melayu* itu menimbulkan rasa terkilan.

Kajian berpandangan penggunaan satira dapat menjejaskan konsep adab serta mesej tauhid yang dikemukakan oleh Persuratan Baru. Tambahan pula, gagasan Persuratan Baru diasaskan oleh tiga hakikat yang saling berkait iaitu hakikat iman, amal dan manusia yang terpancar daripada segi tindakan. Malah, Persuratan Baru diakui sebagai berasaskan “sistem nilai Islam yang berteraskan tauhid” (Ungku Maimunah Mohd Tahir 1999b). ‘Nilai Islam berteraskan tauhid’ seperti yang disedari oleh Mohd Affandi akan terpancar pada adab dan akhlak. Ambiguiti dalam *Pujangga Melayu* menjadi lebih sulit untuk diketepikan begitu sahaja memandangkan pengarang merujuk kitab *Ihya Ulumid-Din* yang diguna pakai dalam menghuraikan konsep ilmu. Malah, kitab *Ihya Ulumid-Din* telah juga diguna pakai sebagai ‘pedoman akhlak’ apabila Awang mengenang semula penyertaan Bakhtiar, adiknya untuk bergelumang dalam politik yang kotor (Mohd Affandi Hassan 1997: 634). Justeru, adalah tidak keterlaluan apabila kitab *Ihya Ulumid-Din* digunakan untuk menolak pendekatan satira yang diterapkan dalam novel ini. Tambahan pula, pendekatan tersebut tidak dapat dihujahkan berbumbukan ‘nilai Islam yang berteraskan tauhid.’

Merujuk kepada penolakan Affandi terhadap konsep sastera, beliau menegaskan ia adalah kerana “sastera memartabatkan kejahatan dengan meletakkan hawa nafsu sebagai tonggak kreatif.” Secara umumnya, semua gagasan sastera Islam di Malaysia (termasuk Persuratan Baru) bersetuju aspek kebenaran dalam sastera Islam haruslah ditonjolkan dan dimenangkan. Ini bermakna aspek kejahatan haruslah ditewaskan dan tidak dibiar terlepas tanpa hukuman. Namun begitu, masih terdapat aspek kebatilan yang tidak dikalahkan dalam *Pujangga Melayu*. Oleh kerana Affandi

meletakkan ‘cerita sebagai hal kedua’ dalam gagasannya, dan tidak memanfaatkan alat-alat naratif (termasuk hukum sebab dan akibat serta unsur dramatik dan grafik) elemen kebatilan dalam *Pujangga Melayu* telah ‘terlepas daripada hukuman.’ Keutamaan meletakkan ilmu, pemikiran dan wacana menyebabkan aspek cerita tentang kebatilan telah ‘terlepas pandang.’ Meskipun aspek kebatilan tersebut tidak dibesar-besarkan dan tidak menjadi satu bahagian yang dominan dalam karya, tetapi mendiamkan elemen kebatilan tersebut dalam keadaan tergantung adalah juga satu bentuk kekaburan yang tidak dapat diterima dalam karya persuratan serta konsep adab.

Aspek kebatilan yang tidak ditangani dengan kemas misalnya terlihat pada wang peninggalan Bakhtiar yang terlalu banyak. Keraguan dan rasa tidak selesa Awang dan Abdul Latif terhadap wang pemberian Bakhtiar menunjukkan watak-watak tersebut sedar tentang kedudukan wang yang ‘mengejutkan’ itu. Namun, dalam keadaan sengaja wang hasil penglibatan Bakhtiar dalam politik tersebut tetap diterima oleh Abdul Latif dan Asma bagi membolehkan mereka mendapat rumah dan perabot baru (Mohd Affandi Hassan 1997: 625-626). Awang malah menerima keahlian kelab mewah yang pernah dianggotai oleh Bakhtiar setelah dipujuk oleh Seri Ayu. Awang bukan dalam keadaan tidak menyedari hal tersebut, malah mengetepikan sahaja ‘sindiran tajam ayahnya.’ Pembunuhan politik Bakhtiar pula tidak diselesaikan dan dibiarkan tergantung. Persoalan ini menimbulkan tanda tanya memandangkan watak Awang bersungguh-sungguh memperjuangkan suara kebenaran orang bawah hingga hampir-hampir menyertai politik demi membela golongan marhaen. Meskipun insiden-insiden di atas hanyalah satu sub-plot kecil tetapi ia dapat menjadi pertikaian memandangkan gagasan Persuratan Baru mengutamakan keunggulan adab.

Tulisan-tulisan terkini Affandi, khususnya di blog peribadi beliau (pbaru.blogspot.com) tidak terlepas daripada aspek gunjingan ini. Ia sama sekali menjauhi semangat pedoman akhlak yang ingin dijuarai oleh beliau sendiri.

## KESIMPULAN

Pengkaji berhasrat untuk menanggapi persoalan paling penting dalam gagasan Persuratan Baru iaitu penyuguhan ilmu dalam karya kreatif. Ini bagi menyahut cabaran Mohd Affandi Hassan kepada pengkaji dalam satu ‘posting’ blog beliau pada tahun

2012<sup>9</sup>. Namun demikian, usaha menulis saran balas ini terbengkalai (seketika) memandangkan kini pengkaji telah berpindah bidang, iaitu sosiologi, dengan memberi penekanan kepada disiplin hak asasi manusia<sup>10</sup>. Gagasan Persuratan Baru yang dipelopori oleh Mohd Affandi Hassan ternyata merupakan satu gagasan yang tersusun. Affandi menyatakan istilah dan konsep persuratan digunakan kerana ia berbeza dengan istilah dan konsep kesusasteraan di mana persuratan memiliki ciri ilmu dan menolak tahyul. Affandi juga meletakkan adab sebagai asas persuratan di mana ia menjadi tunjang kepada sastera Islam yang merangkumi hubungan dengan Allah dan manusia. Persuratan Baru menyarankan bentuk yang didaktik di mana yang ditampilkan dalam karya bukan lagi cerita tetapi juga ilmu. Menurut Persuratan Baru keindahan yang dimaksudkan dalam karya ialah ‘gabungan estetik dan intelek’ dan mestilah bermakna. Untuk itu Affandi menampilkan gaya espen (gabungan genre esei dan cerpen) serta genre khutbah dalam prosa Persuratan Baru. Gagasan ini turut menolak kebebasan mutlak di mana kreativiti bukanlah ukuran kebebasan. Affandi meletakkan konsep kalam sebagai ganti kreativiti. Persuratan Baru turut menolak konsep *fiction* Barat yang tunjangannya adalah khayalan dan imaginasi. Justeru Persuratan Baru menolak unsur fasad, keburukan dan pendekatan yang mengkhayalkan seperti realisme magis. Gagasan ini juga menolak kekaburan, simbol dan perlambangan yang mengelirukan. Watak-watak seperti pelacur juga tidak diterima. Affandi turut menolak teknik monolog. Terdapat banyak contoh dikemukakan dalam perbincangan mengenai Persuratan Baru tetapi Mohd Affandi sering merujuk kepada beberapa karya sufi klasik khususnya karya-karya Hamzah Fansuri. Jika diperhalusi, gagasan ini memperlihatkan beberapa percanggahan yang memerlukan pembaikan. Percanggahan ini misalnya terzhahir dalam karya Affandi sendiri iaitu *Pujangga Melayu*. Meskipun demikian, untuk berlaku adil, buat sementara waktu, gagasan ini dapat diterima dan dirujuk sebagai sebuah teori memandangkan telah ada satu metodologi tertentu untuk membaca, dan merungkai teks sastera. Hal ini meskipun Affandi sendiri tidaklah merujuk Persuratan Baru sebagai satu teori. Kedudukan ini menjadikan Persuratan Baru berbeza berbanding wacana sastera Islam yang lain sepertinya konsep cereka Islam yang dikemukakan oleh Shahnnon Ahmad. Ada kemungkinan soal kerancuan moral yang ada pada Persuratan Baru dapat dirungkai dengan membawa



contoh selain karya Affandi dan *Pujangga Melayu*. Ini memandangkan karya Affandi sendiri selaku pelopor gagasan Persuratan Baru dipenuhi ambiguiti yang menjolok mata. Ternyata dalam hal ini, Affandi ‘mengata dulang paku serpih’.

#### NOTA

1. Untuk memahami siapa Aga Khan dan sumbangannya dalam bidang kemanusiaan, arkitekstur, dan pendidikan lihat Gul Jee. 2006. HRH Aga Khan IV and Muslim Ummah. 13 Disember. Islamic Research Foundation International. [http://www.irfi.org/articles/articles\\_951\\_1000/hrh\\_aga\\_khan\\_iv\\_and\\_muslim\\_ummah.htm](http://www.irfi.org/articles/articles_951_1000/hrh_aga_khan_iv_and_muslim_ummah.htm). Juga lihat Haroon Siddiqui. 2014. Why the Aga Khan loves Canada and we love him: Siddiqui. 26 Februari. The Star. [http://www.thestar.com/opinion/commentary/2014/02/26/why\\_the\\_aga\\_khan\\_loves\\_canada\\_and\\_why\\_we\\_love\\_him\\_siddiqui.html](http://www.thestar.com/opinion/commentary/2014/02/26/why_the_aga_khan_loves_canada_and_why_we_love_him_siddiqui.html). Atau, Rob Eshman. 2004. The Other Shiites. 8 April. Jewish Journal. [http://www.jewishjournal.com/rob\\_eshman/article/the\\_other\\_shiites\\_20040409](http://www.jewishjournal.com/rob_eshman/article/the_other_shiites_20040409).
2. Lihat Rahmah Ahmad, 2004. Perlu disebutkan di sini Rahmah merujuk pelbagai idea dari kitab-kitab Sayyid Qutb.
3. Rangsang Sari Aligupit lebih jelas menggunakan istilah satira, iaitu ‘Aligupit ialah novel pertama Mohd Affandi Hassan, berupa sebuah satira tentang kuasa dan orang-orang yang gila kuasa.’
4. Rujuk juga Elliot Robert, 1960. Atau lihat Worcester, David, 1967.
5. Pendekatan satira termasuk dalam konsep sastera (konsep kreativiti) dan bertentangan dengan konsep adab atau persuratan (konsep kalam). Namun untuk memberi keadilan kepada teks Pujangga Melayu dan pendekatan satira ini, Affandi menerusi watak Profesor Abdul Ghani Teik Chin ada menjelaskan gubahan bentuk satira ini sebagai ‘jenaka intelektual’. Menurut watak tersebut, cerita dengan pendekatan ‘jenaka intelektual’ ini harus disokong kerana ‘ingin menyatakan sesuatu yang penting dalam masyarakat’, di mana dalam erti kata lain ‘kedudukan mesej tetap lebih penting daripada seni.’ Lihat Mohd Affandi Hassan, 1997, hlm. 677.
6. Sasterawan Negara A. Samad Said percaya beliau adalah sasterawan yang dimaksudkan pengarang Pujangga Melayu. Sebagai seorang ‘manusia yang lebih tua’ beliau menyatakan merasa tersinggung dengan sindiran tersebut. Hal ini mungkin dapat diandaikan benar kerana judul buku beliau Hujan Pagi, yang dikatakan membawa pendekatan realisme magis, turut disebut dalam halaman yang sama. Hal ini dinyatakan oleh beliau kepada pengkaji dalam satu wawancara bertarikh 23 September 2003.
7. Lihat watak penulis yang menulis “cedok dari hikayat dan lagenda” serta mengarang dengan “sintaks dan irama bahasa Inggeris”. Hassan Ahmad berpendapat persuratan tidak dapat lahir “jikalau teknik penyampaian ilmu atau mesej melalui karya atau penulisan itu tidak bijaksana, tidak berdasarkan akal budi yang halus”. Hassan dengan sengaja mengguna tulisan condong untuk kalimat ‘tidak bijaksana’. Pendekatan satira seperti yang telah disebut di awal, adalah satu teknik yang membenarkan perkataan biadab dan langsung dalam karya, serta dianggap sebagai satu seni. Justeru, ia tidak dapat diketengahkan sebagai

‘bijaksana’ berdasar ‘akal budi yang halus’. Lihat lanjut Hassan Ahmad, 2004.

8. Ayat 29 surah al-Fath yang bermaksud: “Nabi Muhammad itu Rasulullah; dan orang yang bersamanya bersikap keras terhadap orang kafir, dan sebaliknya berkasih sayang sesama sendiri. Engkau melihat mereka rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredhaan-Nya. Tanda keimanan mereka terdapat pada muka mereka dari kesan sujud. Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula seperti pokok tanaman yang mengeluarkan tunasnya, lalu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat lalu ia tegap berdiri di atas batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang yang menanamnya, kerana ia hendak jadikan orang kafir merana dengan perasaan marah. Dan Allah telah menjanjikan kepada orang yang beriman dan beramal salih dari mereka, keampunan dan pahala yang besar.
9. Shahih Bukhari, hadis nombor 2219.
10. Mohd. Affandi Hassan. 2012. Dunia Akademik Yang Sensitif. 25 Oktober. Gagasan Persuratan Baru. <http://pbaru.blogspot.com/2012/10/dunia-akademik-yang-sensitif.html>
11. Namun demikian, saya telah pun mengkritik secara permukaan dan di peringkat permulaan mengenai persoalan ilmu ini dalam novel saya yang diharamkan kerajaan Malaysia pada tahun 2014. Lihat Faisal Tehrani. 2012. Perempuan nan Bercinta. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

#### RUJUKAN

- Abdul Hadi WM. 2001. *Tasawuf Yang Tertindas*. Jakarta: Paramadina.
- Al Faruqi, Ismail & Lois Lamya’. 1992. *Atlas Budaya Islam*. Terj. Mohd Ridzuan Othman, Mohd Sidin Ishak & Khairuddin Harun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cuddon, J.A. 1999. *Literary Terms and Literary Theory*. England: Penguin Books.
- Faisal Tehrani. 2012. *Perempuan nan Bercinta*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Feinberg, L. 1963. *The Satirists*. Iowa: The Iowa State University Press.
- Gul Jee. 2006. HRH Aga Khan IV and Muslim Ummah. 13 Disember. Islamic Research Foundation International. [http://www.irfi.org/articles/articles\\_951\\_1000/hrh\\_aga\\_khan\\_iv\\_and\\_muslim\\_ummah.htm](http://www.irfi.org/articles/articles_951_1000/hrh_aga_khan_iv_and_muslim_ummah.htm).
- Haroon Siddiqui. 2014. Why the Aga Khan loves Canada and we love him: Siddiqui. 26 Februari. The Star. [http://www.thestar.com/opinion/commentary/2014/02/26/why\\_the\\_aga\\_khan\\_loves\\_canada\\_and\\_why\\_we\\_love\\_him\\_siddiqui.html](http://www.thestar.com/opinion/commentary/2014/02/26/why_the_aga_khan_loves_canada_and_why_we_love_him_siddiqui.html).
- Hassan Ahmad. 2004. Ulasan terhadap kertas kerja Mohd Affandi Hassan bertajuk kesusasteraan Melayu di persimpangan jalan: anti intelektualisme hasad dan pandirisme. Kertas kerja Siri Wacana Ilmiah Damai. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 21 Disember.
- Imam Ghazali. 1992. *Ihya Ulumid-Din*. Jil. III. Beirut: t.pt.
- Khomeini. 2004. *Hadis 40: Telaah Hadis Mistis dan Akhlak*. Bandung: Penerbit Mizan.



- Mohamad Mokhtar Hassan. 2002. Pujangga Melayu: Mohd Affandi Hassan: satu interpretasi pemikiran pengarang. Kertas kerja Majlis Diskusi Buku. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 27 Februari.
- Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Affandi Hassan. 1992. *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Affandi Hassan. 1994a. *Medan-medan Dalam Sistem Persuratan Melayu*. Kuala Lumpur: Ampang Press.
- Mohd Affandi Hassan. 1994b. Mengapa saya menulis Aligupit. *Dewan Masyarakat* September.
- Mohd Affandi Hassan. 1997. *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd Affandi Hassan. 1999. Persuratan Baru dan cabaran intelektual: menilai kembali kegiatan kreatif dan kritikan. Kertas kerja Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, 6-8 Disember: 11-19.
- Mohd Affandi Hassan. 2005a. Pemikiran picisan A. Rahim. *Mingguan Malaysia*, 20 November: 31.
- Mohd Affandi Hassan. 2005b. Keilmuan paksi penilai hasil sastera. *Utusan Melayu Minggu*, 18-24 Disember: 29.
- Mohd Affandi Hassan. 2006a. Apa perlu dasar kesusasteraan. *Mingguan Malaysia*, 23 Julai: 31.
- Mohd Affandi Hassan. 2006b. Menguji kredibiliti editor. *Mingguan Malaysia*, 29 Januari: 31.
- Mohd Affandi Hassan. 2010. Generasi Persuratan Menghadapi Cabaran Daripada Golongan Mafia Sastera dan Kumpulan Munafik Sastera. 12 Disember. *Gagasan Persuratan Baru*. <http://pbaru.blogspot.com/2010/12/generasi-persuratan-menghadapi-cabaran.html>
- Mohd Faizal Musa. 2012. *Wacana Sastera Islam di Malaysia dan Indonesia*. Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia
- Mohd Zariat Abdul Rani & Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2005. Persuratan Baru dan pengembelangan ruang naratif: satu kajian perbandingan antara Hikayat Faridah Hanom oleh Syed Syekh al-Hadi dengan Pujangga Melayu oleh Mohd Affandi Hassan. Dlm. Hajjah Jais dan Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin (pnys.). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan. 2012. Dunia Akademik Yang Sensitif. 25 Oktober. *Gagasan Persuratan Baru*. <http://pbaru.blogspot.com/2012/10/dunia-akademik-yang-sensitif.html>
- Mohd. Affandi Hassan. 2014. *Balai Maqamat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Pollard, A. 1992. *Satira*. Terj. Zahari Mahmud & Noraini Md Isa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah Ahmad. 2004. Al-adab dan intelektualisme kertas bahasan atas kesusasteraan Melayu di persimpangan jalan: anti intelektualisme, hasad, pandirisme oleh Mohd Affandi Hassan. Kertas kerja Siri Wacana Ilmiah Damai. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 21 Disember.
- Rob Eshman. 2004. The Other Shiites. 8 April. *Jewish Journal*. [http://www.jewishjournal.com/rob\\_eshman/article/the\\_other\\_shiites\\_20040409](http://www.jewishjournal.com/rob_eshman/article/the_other_shiites_20040409).
- Robert, E. 1960. *The Power of Satire*. New Jersey: Princeton University Press.
- Shafie Abu Bakar. 2000. Persuratan Melayu: Pengucapan Tamadun Islam. Dlm. Mohd Taib Osman dan A. Aziz Deraman (peny.). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahih Bukhari. 2002. Singapura: Darel Fajr Publishing House.
- Shahnon Ahmad. 1977. Sastera Islam. *Dewan Bahasa* 21(7).
- Sharrul Rizal Hashim. 2006. *Direktori Penulis Timur*. Kota Bharu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naguib al Attas. 1990. *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu: Suatu Mukadimah Mengenai Peranan Islam Dalam Peradaban Sejarah Melayu-Indonesia, dan Kesannya Dalam Sejarah Pemikiran, Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 1999a. Kerangka konseptual 'kemodenan' sastera Melayu: satu penilaian kembali tulisan barat. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Bandingan. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 24-27 Ogos.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 1999b. Persuratan Baru oleh Mohd Affandi Hassan: satu sambutan awal. Kertas kerja Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, 6-8 Disember.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2002. Pujangga Melayu oleh Mohd Affandi Hassan: satu perbincangan awal. Kertas kerja Majlis Diskusi Buku. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 27 Februari.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2006. Salam Maria oleh Fatimah Busu: satu analisis berdasarkan Persuratan Baru. Kertas kerja Majlis Bicara Karya. Anjuran Jabatan Media Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 19 Januari.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2007. *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita Dengan Ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2008. Dinamika pemikiran sastera Melayu kuliah 4: persuratan Melayu satu advokasi alternatif 'sejarah' dan 'ilmu'? Makalah Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan Mastera 2008.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2009. *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Worcester, D. 1967. *The Art of Satire*. New York: Harvard University Press.

Mohd Faizal Musa (Ph.D)  
Felo Penyelidik  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi  
Selangor D.E.  
E-mel: mfaizalmusa@ukm.edu.my  
kajianakademikft@gmail.com

Diserahkan: 19 September 2019  
Diterima: 5 Januari 2021